

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 1997/98**

**September 1997**

**HSL 431 Isu-Isu Terpilih dalam Sejarah Asia**

**Masa: [3 jam]**

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. "Walaupun Mahratta merupakan kuasa yang paling kuat dan memiliki empayar yang paling besar berbanding dengan mana-mana kuasa lain di India pada waktu itu, tidak juga dinafikan bahawa ia masih lemah daripada pihak British dari segi sumber kewangan, organisasi tentera, diplomasi dan pimpinan." Bincangkan.
2. Di sepanjang pemerintahannya di India, iaitu untuk lebih daripada dua ratus tahun, pihak British telah memperkenalkan dasar-dasar moden, khususnya dalam bidang ekonomi. Dasar-dasar seumpama inilah yang telah memajukan ekonomi Britain. Namun, mengapa pula dasar-dasar ini tidak membawa kesan yang sama di India?
3. "Ia bukan bulat-bulatnya dahagi sepoi, ataupun perang nasionalisme yang pertama. Sebenarnya ia adalah suatu cetusan militar yang disebabkan oleh faktor-faktor sosial." Bincangkan.
4. "Kongres Kebangsaan India diasaskan oleh pihak pentadbir British demi untuk membendung munculnya semangat nasionalisme yang radikal." Nilaikan dakwaan ini merujuk kepada perjuangan Kongres Kebangsaan India di antara 1885 dan 1905.
5. Gandhi berusaha untuk membawa perpaduan di antara orang Hindu dan orang Islam dengan melibatkan orang Hindu dalam pergerakan *khilafat*. Sejauh manakah beliau berjaya dalam usaha ini?
6. "Adalah jelas bahawa pihak British telah, sejak awal kurun kedua puluh, merancang untuk memindahkan kuasa pemerintahan kepada pribumi India secara berperingkat. Malangnya, keengganahan para nasionalis sejak 1920-an untuk bekerjasama dengan British telah sebenarnya melambatkan proses itu." Bincangkan.
7. "Kekalahan yang teruk dalam pilihan raya 1937 merupakan titik tolak dalam sejarah Liga Muslim di India." Bincangkan.